



FAZAKKIR

e-Tazkirah | Bil. 11 | Jun 2021 - Zulqa'dah 1442H

BERDIALOG DENGAN SANTUN

Al-Quran telah merakamkan dialog antara nabi Musa dengan Firaun ketika mana nabi Musa mengadap Firaun atas perintah Allah. Nabi Musa memperkenalkan dirinya sebagai seorang rasul dan membawa bukti keesaan Tuhan dari kejadian alam. Tetapi Firaun yang tidak dapat menjawab hujah-hujah nabi Musa menganggap nabi Musa sebagai gila dan ahli sihir. Perbicaraan firaun adalah untuk menegakkan kebatilan. Akhirnya beliau mengugut nabi Musa untuk memenjarakannya.

Konsep dialog bukan sekadar proses penyampaian dua atau lebih pihak yang terlibat, tetapi dialog adalah bicara dengan pihak yang berbeza fikiran dengan tujuan utamanya belajar cara berfikir yang berlainan dan baharu, suatu cara untuk melihat alam dan kehidupan orang lain.



ADAB BERDIALOG / MUZAKARAH



Hendaklah memberi peluang kepada orang lain memberi pendapat atau hujah sama ada dari pihaknya atau pihak pembangkang. Ia tidak boleh memotong percakapan orang lain atau menyakitinya.



Tidak boleh menghukum secara umum dan hendaklah sentiasa berhati-hati dalam kata-kata.



Menghormati pandangan orang lain yang bercakap baik ketika memberi hujah-hujah yang bernas walaupun berbeza dengan pandangannya.

**Berprinsipkan kebenaran,
jauh dari pembohongan
dan keraguan.**

Berdialog ini bukan tertumpu kepada soal majikan dan pekerja semata-mata tetapi ia juga berlaku antara suami isteri, anak dan bapa, jiran tetangga dan masyarakat. Pendek kata, ia berlaku dalam semua peringkat masyarakat dan adab-adab tersebut mestilah dipatuhi.

Diterbitkan oleh
Unit Hal Ehwal Islam, UITM Cawangan Selangor